| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Xanteen 400 kaya bahan antioksida | | |
| Date | 27 Jun 2009 | Language | Malay |
| MediaTitle | Harian Metro | Page No | 15 |
| Section | Supplement | Article Size | 353 $cm^2$ |
| Journalist | Kasdi Ali | Color | Black/white |
| Frequency | Daily | ADValue | 3,476 |
| Circ / Read | 289,315 / 1,981,000 | PRValue | 10,427 |




# Xanteen 400 kaya bahan antioksida

## Ekstrak manggis mampu imbangi, hapuskan radikal bebas rosakkan sel sihat dalam badan


>>Oleh Kasdi Ali

kasdi@hmetro.com.my


SEJARAH membuktikan golongan cendikiawan dari seluruh dunia sudah lama berusaha mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi pelbagai penyakit kronik seperti lemah jantung, kencing manis, tekanan dan sebagainya tetapi tidak semuanya berjaya.

Namun ia tidak mematahkan semangat Snovest Sales And Marketing. Akhirnya, selepas melakukan kajian selama beberapa tahun, syarikat itu membuat satu penemuan terbaru iaitu mendapati khasiat yang terdapat dalam buah manggis.

Jurucakap syarikat berkata, produk terbaru mereka iaitu Xanteen makanan tambahan kesihatan yang diperbuat daripada manggis dan kaya dengan antioksida.

Katanya, produk dikenali Xanteen Kapsul 400 miligram itu adalah satu-satunya produk herba manggis yang kaya dengan kandungan antioksida berbentuk Xanthone yang tinggi di kalangan buah-buahan di dunia.

"Manggis (garcinia mangostana) mengandungi 40 dari 200 jenis antioksida Xanthone iaitu antioksida bertaraf super berkesan mengimbangi atau menghapuskan radikal bebas yang merosakkan sel sihat dalam badan manusia dan menyebabkan penyakit.

"Xanteen Kapsul 400 mg terhasil selepas mendapat kerjasama dan khidmat nasihat dari agensi kerajaan seperti Biro Penguat Kuasa Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Fama, Mardi, Malaysia Biotech Corporation, Frim, Sirim dan Smidec.

"Malah, produk ini juga diiktiraf untuk dieksport ke luar negara. Selepas mendapat kelulusan BPFK, pada Disember 2008, barulah

> **"Produk diiktiraf untuk dieksport ke luar negara. Selepas mendapat kelulusan BPFK pada Disember 2008, barulah pengeluaran secara komersial dibuat di kilang yang berstatus Amalan Pengeluaran Baik (GMP) di Kelantan"**
>
> >Jurucakap

pengeluaran secara komersia dibuat di kilang yang mempunyai status Amalan Pengeluaran Baik (GMP) di Kelantan," katanya.

Tidak ramai mengetahui bahawa manggis kaya dengai xanthone iaitu sejenis antioksida yang paling berkesan diketahui wujud di alam semula jadi dan berpotensi mengatasi masala pengumpulan plak dalam arteri.

Di luar negara, kehebatan manggis memang tidak dinafikan, malah terdapat ratusan kajian mengenai kebaikan xanthone dalam manggis dengan lokasi paling tinggi xanthone ialah pada bahagian kulitnya.

Hebatnya manggis kerana ia mengandungi sebilangan besar bahan aktif biologi termasuk vitamin dan polisakarida dan kini boleh didapati dalam Xanteen Kapsul 400 mg.

Manggis atau turut digelar ratu buah, turut memukau para saintis yang terpegun dengan penyembuhan faktoı X manggis bagi permasalahan sistem saraf, ketahanan badan, kulit, sistem pernafasan dan sebagainya.

Kajian menunjukkan kemungkinan kesan yang mempunyai xanthon dalam mencegah arteriosclerosis iaitu keadaan yang menebalkan dinding arteri kecil akibat penuaan atau hipertensi.

Kolesterol jahat perlu dioksidakan sebelum ia boleh melalui selaput endothelium iaitu lapisan tunggal sel yang menggaris jantung, pembuluh darah dan pembuluh limfa yang menjadi sebahagian daripada plak dalam salur berkenaan.

Xanthone mempunyai keberkesanan teraputik merencatkan pembiakan dan keupayaan menghapuskan kuman berketahanan antibiotik gram-positif, keberkesanannya adalah setanding dengan 'vancomycin'.

Antiradang Xanthone tiga kali lebih berkesan daripada aspirin dan Analgesik (melegakan kesakitan) dan anti alergi selain mempunyai antioksida dan mencegah sakit jantung dari oksidasi kolesterol LDL. Malah berdasarkan ujian makmal, ia mampu membunuh pelbagai jenis sel kanser.

Xanteen Kapsul 400 mg tidak mengandungi bahan kimia atau pengawet dan diperbuat 100 peratus daripada khasiat manggis.

Jurucakap syarikat berkata, pihaknya mensasarkan jualan sebanyak 50,000 unit sebagai satu usaha mempromosikan produk ini di semua pusat jualan sama ada di farmasi atau toko kesihatan di seluruh negara.

Orang ramai berminat mendapatkan produk ini boleh datang ke pejabat Snovest Sales And Marketing di 26-2, 2nd Floor, Jalan Putra Mahkota 7/8E, Putra Point Business Centre, Putra Height, Subang Jaya, Selangor.